

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI



BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 25 atau 80.6% daripada 31 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit.
- Sepuluh daripada 25 penyata kewangan tahun 2021 yang diterima telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran melibatkan empat penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Manakala dua penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran (Emphasis of Matter).

Apa Yang Disyorkan Audit

- Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli lembaga pengarah

(Akaun Induk dan Akaun Kumpulan). Selain itu, pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan juga perlu disertakan bersama;

- agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa; dan
- mempercepatkan penyerahan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak dua daripada 16 akaun PBT, tiga daripada 14 akaun BBN bagi tahun 2021 dan dua akaun MAI bagi akaun tahun 2020 dan 2021 belum diterima oleh Jabatan Audit Negara.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021	Bilangan Agenzi Negeri	31 Akaun Agensi
	14 Badan Berkanun Negeri	10 Pendapat Tanpa Teguran
	16 Pihak Berkuasa Tempatan	2 Pendapat Tanpa Teguran (Emphasis of Matter)
	1 Majlis Agama Islam	13 Belum Disahkan
		6 Belum Diterima

Nota: Kedudukan Setakat 31 Ogos 2022

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap 31 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021, iaitu 14 BBN, 16 PBT dan satu Majlis Agama Islam. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Majlis Agama Islam ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978 (Pindaan 2003).

2.2. Daripada 31 penyata kewangan tersebut, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi empat BBN, satu MAI dan tiga PBT. Baki 23 penyata kewangan agensi negeri diaudit oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkelayakan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Pengauditan yang dijalankan oleh FAS diselia dan dipantau oleh pegawai daripada Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa bagi memastikan

isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan. Selain itu, kertas kerja yang disediakan oleh FAS juga disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor telah mengeluarkan surat kepada BBN dan PBT mengenai pelanjutan penyerahan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 selewat-lewatnya pada 30 April 2022 (BBN) dan 30 Jun 2022 (PBT).

3.2. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 11 BBN dan 14 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Daripada 25 agensi terlibat, tiga BBN dan 14 PBT telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April dan 30 Jun 2022 manakala lapan BBN mengemukakannya selepas tempoh ditetapkan. Baki tiga BBN dan dua PBT masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. MAI juga masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHKAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Johor	15.03.2022
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	28.04.2022
3.	Taman Ibrahim Muar	28.04.2022
4.	Majlis Sukan Negeri Johor	19.05.2022
5.	Perbadanan Stadium Johor	25.05.2022
6.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	31.05.2022
7.	Perbadanan Taman Negara Johor	06.07.2022
8.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	07.07.2022
9.	Yayasan Warisan Negeri	13.07.2022
10.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	14.07.2022
11.	Perbadanan Islam Johor	01.08.2022
12.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	Belum Terima
13.	Yayasan Pelajaran Johor	Belum Terima
14.	Tabung Amanah Warisan Negeri	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Belum Terima

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Muar	28.04.2022
2.	Majlis Bandaraya Pasir Gudang	30.05.2022
3.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	30.05.2022
4.	Majlis Perbandaran Kulai	31.05.2022
5.	Majlis Daerah Mersing	31.05.2022
6.	Majlis Daerah Pontian	31.05.2022
7.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	31.05.2022
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	31.05.2022
9.	Majlis Daerah Yong Peng	31.05.2022
10.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	26.06.2022
11.	Majlis Perbandaran Segamat	30.06.2022
12.	Majlis Daerah Tangkak	30.06.2022
13.	Majlis Perbandaran Kluang	30.06.2022
14.	Majlis Daerah Simpang Renggam	30.06.2022
15.	Majlis Perbandaran Pengerang	Belum Terima
16.	Majlis Daerah Labis	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang telah ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan). Selain itu, ia juga perlu mengandungi pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan mempengaruhi pendapat Juruaudit di dalam Laporan Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan berkenaan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Malaysian Accounting Standards Board (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Negeri seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang telah diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah bagi menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Sehingga 31 Ogos 2022, 11 BBN dan 16 PBT telah menggunakan piawaian perakaunan MPSAS untuk penyata kewangannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Sebanyak dua agensi masih menggunakan piawaian perakaunan MPERS dan dua BBN menggunakan piawaian MFRS. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi di Negeri Johor adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	27
2.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	2
3.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	2
JUMLAH		31

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter(OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap pernyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada pernyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap pernyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas pernyata kewangan.

5.3. Sehingga 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan 12 daripada 25 pernyata kewangan tahun 2021 yang diterima melibatkan enam pernyata kewangan BBN dan enam pernyata kewangan PBT. Sepuluh pernyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala dua lagi diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM). Bilangan pernyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun kewangan 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 SEHINGGA 2021

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2017	2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	25	25	21	13	10
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM/OM	1	1	6	10	2
3.	Pendapat Berteguran	2	1	3	7	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
JUMLAH		28	27	30	30	12

Sumber: Pernyata Kewangan Agensi Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (*) - Tahun kewangan 2021 – pernyata kewangan yang telah disahkan sehingga 31 Ogos 2022

5.4. Pernyata kewangan tahun 2021 bagi BBN yang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran (EOM) adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN BBN DAN PBT DENGAN PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)			
1.	Majlis Sukan Negeri Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021)	24.8.2022	<ul style="list-style-type: none"> i. Nota 5 kepada Penyata Kewangan - Majlis Sukan Negeri Johor telah merekodkan hasil berjumlah RM138,700 dan telah menyebabkan aset terlebih nyata. ii. Nota 8 kepada Penyata Kewangan - Majlis Sukan Negeri Johor tidak merekodkan perbelanjaan tahun 2021 yang berjumlah RM21,200 dan menyebabkan perbelanjaan terkurang nyata. Perbelanjaan ini telah dituntut, dibayar dan direkodkan sebagai perbelanjaan tahun 2022.
2.	Perbadanan Stadium Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021)	24.8.2022	Nota 6 Kepada Penyata Kewangan mengenai Hartanah, Loji dan Peralatan. Kerajaan Negeri Johor telah memutuskan bahawa pengurusan dan hak milik Stadium Kluang, Akademi Tenis Taman Perling, Akademi Badminton Taman Perling, Velodrom dan Lapang Sasar diletakkan di bawah Perbadanan Stadium Johor. Bagaimanapun, kemudahan sukan tersebut masih belum diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara (Sijil)

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020

5.5.1. LKAN Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor Tahun 2020 yang dibentangkan di Parlimen (2 Disember 2021) hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi 10 daripada 31 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Baki 21 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 tidak dilaporkan kerana masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2021.

5.5.2. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 20 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disahkan meliputi sembilan BBN dan 11 PBT. Manakala penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan tahun berakhir 31 Disember 2020 belum disahkan. Bagaimanapun penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dapat disahkan.

5.5.3. Status Sijil Ketua Audit Negara terhadap sembilan BBN yang telah disahkan ialah tiga diberikan Pendapat Tanpa Teguran, dua diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM dan empat diberikan Pendapat Berteguran. Status Sijil Ketua Audit Negara terhadap 11 PBT pula ialah empat diberikan Pendapat Tanpa Teguran, dua diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan EOM, dua diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan OM dan tiga diberikan Pendapat

Berteguran. Satu penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diberikan Pendapat Berteguran. Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT dengan Pendapat Tanpa Teguran (EOM), Pendapat Tanpa Teguran (OM) dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN BBN, MAI DAN PBT DENGAN PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM),
PENDAPAT TANPA TEGURAN (OM) DAN PENDAPAT BERTEGURAN

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN (EOM)			
1.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	12.12.2021	<ul style="list-style-type: none"> i. Akaun Amanah tidak dikendalikan mengikut Akta Acara Kewangan 1957. ii. Sumbangan oleh institusi tertentu tidak direkodkan sebagai Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran. Menyebabkan Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran dan Amanah & Deposit terkurang nyata dan terlebih nyata.
2.	Perbadanan Taman Negara Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	24.10.2021	Nota 2.2 (f) kepada Penyata Kewangan yang menerangkan pengiktirafan hasil daripada urus niaga pertukaran. Perbadanan Taman Negara Johor tidak mengiktiraf hasil daripada pendapatan sewaan tapak menara telekomunikasi projek Time 3 di atas sebahagian tanah simpanan Taman Negara Endau Rompin daripada Celcom yang bermula 1 Januari 2016 sejumlah RM132,000. Perkara ini telah menyebabkan Hasil Urus Niaga Pertukaran tahun semasa terkurang nyata sejumlah RM26,400 dan Lebihan Terkumpul terkurang nyata sejumlah RM105,600.
3.	Majlis Perbandaran Muar (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	14.09.2021	<ul style="list-style-type: none"> i. Sebuah bangunan berjumlah RM2.97 juta direkodkan dua kali pada nilai yang sama. ii. Status pemilikan tanah bagi aset berikut tidak dapat dikesan: <ul style="list-style-type: none"> - Tapak Gelanggang Mini Stadium Lenga berjumlah RM1.01 juta - Tapak Pasar Lama Parit Jawa berjumlah RM475,000 iii. Terkurang nyata Aset Dalam Pembangunan – Sistem e-PBT berjumlah RM72,000.
4.	Majlis Daerah Simpang Renggam (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	02.11.2021	Terkurang nyata perbelanjaan berjumlah RM0.99 juta.
PENDAPAT TANPA TEGURAN (OM)			
1.	Majlis Daerah Kota Tinggi (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	25.10.2021	<ul style="list-style-type: none"> i. <i>Unreconciled item</i> tahun terdahulu di penyata penyesuaian bank perlu diambil tindakan segera. Pelarasan perlu dibuat supaya baki wang tunai dan transaksi terimaan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat. ii. Memastikan pelarasan rekod dibuat antara penyata deposit dengan imbanginan duga bagi memastikan pelaporan baki akaun dalam penyata kewangan adalah tepat.
2.	Majlis Daerah Mersing (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	21.12.2021	<i>Unreconciled item</i> tahun terdahulu di penyata penyesuaian bank perlu diambil tindakan segera. Pelarasan perlu dibuat supaya baki wang tunai dan transaksi terimaan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018)	15.09.2021	<p>i. Simpanan Tetap dan Wang Tunai Di Bank</p> <p>Baki Simpanan Tetap MAINJ di Nota Penyata Kewangan berjumlah RM270.46 juta dan baki Wang Tunai di Bank berjumlah RM188.52 juta. Bagaimanapun, Simpanan Tetap berjumlah RM154.76 juta dan baki Wang Tunai di Bank sejumlah RM14.35 juta tidak dapat disahkan kerana tiada pengesahan baki daripada bank.</p> <p>ii. Siberhutang dan Prabayar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nota 14 penyata kewangan, Siberhutang dan Prabayar berjumlah RM145.34 juta. - Baki Penghutang Sewaan terkurang nyata sejumlah RM3.68 juta. - Projek Pembinaan Sekolah Agama di Seluruh Negeri Johor menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Zakat berjumlah RM51.98 juta tidak diambil kira sebagai pendahuluan kepada Kumpulan Wang Wakaf sebagaimana fatwa yang dikeluarkan, menyebabkan Siberhutang dan Prabayar Kumpulan Wang Zakat terkurang nyata. <p>iii. Kerja Dalam Pelaksanaan Terlebih Nyata</p> <p>MAINJ mengiktiraf keseluruhan kos projek menaik Taraf Bangunan MARSAH serta pembinaan pejabat MAINJ Daerah Segamat dan Pontian berjumlah RM39.31 juta sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan. Kerja Dalam Pelaksanaan yang seharusnya diiktiraf selaras dengan MPERS Seksyen 34.42 adalah berjumlah RM21.89 juta sahaja.</p>
2.	Perbadanan Islam Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	14.12.2021	<ul style="list-style-type: none"> i. Cukai Akan Dikembalikan terlebih nyata berjumlah RM2.04 juta. ii. Penghutang perniagaan jangka panjang di peringkat akaun gabungan Perbadanan Islam Johor telah terlebih nyata berjumlah RM1.30 juta. iii. Perbelanjaan Tertunda Manfaat Pekerja atas pinjaman kakitangan terkurang nyata berjumlah RM0.55 juta.
3.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	28.12.2021	<p>i. Pebelanjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sumbangan Pembaikan Semula Masjid dan Sumbangan Menaik Taraf Masjid telah diiktiraf sebagai perbelanjaan tahun kewangan 2020 walaupun kerja disempurnakan pada tahun 2021. - Menyebabkan perbelanjaan tahun 2020 terlebih nyata.

BIL.	AGENSI	TARIKH SIJIL DITANDATANGANI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
4.	Yayasan Warisan Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	18.10.2021	<p>i. Akaun Belum Terima</p> <p>Merujuk kepada Nota 4 kepada penyata kewangan, baki Akaun Belum Terima Yayasan Warisan Negeri adalah berjumlah RM35.11 juta pada akhir tahun 2020. Daripada jumlah baki tersebut, sejumlah RM0.55 juta yang terdiri daripada pelbagai penghutang telah lama tertunggak dan tidak dapat ditentukan kebolehkutipannya. Namun, tiada peruntukan hutang rugu dibuat ke atas baki-baki tersebut. Perkara ini telah menyebabkan Akaun Belum Terima terlebih nyata.</p> <p>ii. Perbelanjaan</p> <p>Sehingga 31 Disember 2020, jumlah Perbelanjaan di Penyata Prestasi Kewangan adalah RM17.04 juta. Yayasan Warisan Negeri telah mengiktiraf belanja penjejasan aset sejumlah RM2.28 juta ke atas jumlah hutang yang akan diterima daripada YPJ Plantation Sdn. Bhd. di atas penjualan anak syarikat subsidiari Yayasan Warisan Negeri iaitu YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd. Asas yang digunakan untuk mengiktiraf penjejasan aset dan mengenakan rosot nilai adalah tidak munasabah. Perkara ini telah menyebabkan Perbelanjaan terlebih nyata.</p>
5.	Yayasan Pelajaran Johor (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	09.12.2021	Pelaburan dalam syarikat subsidiari Yayasan Pelajaran Johor pada 31 Disember 2020 didapati berbaki negatif sejumlah RM32.01 juta disebabkan oleh amaun terhutang kepada syarikat subsidiari berjumlah RM57.01 juta telah diambilkira dalam jumlah pelaburan tersebut. YPJ sepatutnya mengakaunkan amaun terhutang kepada syarikat subsidiari di bawah Liabiliti. Perkara ini menjadikan aset dan liabiliti Yayasan Pelajaran Johor tidak memberi gambaran yang benar dan menjadikannya terkurang nyata dengan amaun yang sama iaitu sejumlah RM57.01 juta.
6.	Majlis Bandaraya Johor Bahru (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	22.12.2021	<p>i. Aset infrastruktur terkurang nyata berjumlah RM6.46 juta kerana direkodkan sebagai Perbelanjaan Pembangunan.</p> <p>ii. Aset infrastruktur jalan terlebih nyata berjumlah RM1.55 juta kerana kesilapan rekod daftar jalan.</p> <p>iii. Bayaran bagi wang tahanan berjumlah RM5.77 juta direkod sebagai Perbelanjaan Pembangunan.</p>
7.	Majlis Perbandaran Kluang (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	20.12.2021	<p>i. Kesilapan kaedah penilaian semula dan perekodan ke atas tanah pajakan berjumlah RM33.18 juta.</p> <p>ii. Nilai tanah tidak dapat disahkan berjumlah RM1.30 juta kerana perbezaan rekod tanah antara Jabatan Kewangan dan Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta.</p> <p>iii. Terlebih rekod penambahan aset kenderaan berjumlah RM0.60 juta.</p> <p>iv. Terlebih nyata tuntutan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) berjumlah RM0.90 juta.</p> <p>v. Terlebih nyata Aset Tak Ketara Sistem e-PBT berjumlah RM112,000.</p>
8.	Majlis Perbandaran Segamat (Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020)	11.11.2021	Pelarasan tahun terdahulu berjumlah RM49.42 juta bagi susut nilai terkumpul terkurang nyata bagi aset infrastruktur tahun 1993 hingga tahun 2006 telah dilaraskan dalam angka perbandingan belanja susut nilai tahun 2019.

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara (Sijil)

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN. Namun, terdapat dua agensi iaitu Majlis Sukan Negeri Johor dan Taman Ibrahim Muar tidak perlu dibentangkan di DUN kerana tiada peruntukan mengenai keperluan pembentangan dinyatakan di dalam Enakmen tubuh agensi.

6.2. Sehingga 31 Ogos 2022, dua penyata kewangan MAI bagi tahun 2017 dan tahun 2018; satu penyata kewangan BBN bagi tahun 2018 dan tiga penyata kewangan BBN bagi tahun 2019 masih belum dibentangkan di DUN walaupun Laporan Ketua Audit Negara telah dikeluarkan. Bagi penyata kewangan tahun 2020 pula, lapan penyata kewangan BBN masih belum dibentangkan di DUN. Maklumat mengenai status pembentangan penyata kewangan di DUN adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATUS PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SEHINGGA 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI/ MAJLIS AGAMA ISLAM		
Penyata Kewangan Tahun 2017		
1.	Perbadanan Stadium Johor	18.11.2021
2.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Belum bentang
Penyata Kewangan Tahun 2018		
1.	Perbadanan Stadium Johor	18.11.2021
2.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	Belum bentang
3.	Yayasan Warisan Negeri	19.06.2021
4.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	Belum bentang
Penyata Kewangan Tahun 2019		
1.	Perbadanan Johor	18.11.2021
2.	Perbadanan Stadium Johor	18.11.2021
3.	Yayasan Warisan Negeri	18.11.2021
4.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	18.11.2021
5.	Perbadanan Taman Negara Johor	Belum bentang
6.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	Belum bentang
7.	Tabung Amanah Warisan Negeri	Belum bentang
BADAN BERKANUN NEGERI/ MAJLIS AGAMA ISLAM		
Penyata Kewangan Tahun 2020		
1.	Perbadanan Johor	Belum bentang

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
2.	Majlis Sukan Negeri Johor	Tidak Perlu Bentang
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	19.06.2022
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	Belum bentang
5.	Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor	16.01.2022
6.	Perbadanan Stadium Johor	Belum bentang
7.	Taman Ibrahim Muar	Tidak Perlu Bentang
8.	Yayasan Warisan Negeri	16.01.2022
9.	Perbadanan Taman Negara Johor	Belum bentang
10.	Perbadanan Islam Johor	Belum bentang
11.	Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor	Belum bentang
12.	Yayasan Pelajaran Johor	Belum bentang
13.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	19.06.2022
14.	Tabung Amanah Warisan Negeri	Belum bentang

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Penyata Kewangan Tahun 2020

1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	19.06.2022
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	19.06.2022
3.	Majlis Bandaraya Pasir Gudang	19.06.2022
4.	Majlis Perbandaran Kulai	18.11.2021
5.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	19.06.2022
6.	Majlis Perbandaran Segamat	19.06.2022
7.	Majlis Perbandaran Pengerang	19.06.2022
8.	Majlis Perbandaran Kluang	19.06.2022
9.	Majlis Perbandaran Muar	19.06.2022
10.	Majlis Daerah Simpang Renggam	19.06.2022
11.	Majlis Daerah Tangkak	19.06.2022
12.	Majlis Daerah Yong Peng	19.06.2022
13.	Majlis Daerah Pontian	19.06.2022
14.	Majlis Daerah Labis	19.06.2022
15.	Majlis Daerah Mersing	19.06.2022
16.	Majlis Daerah Kota Tinggi	19.06.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

7. RUMUSAN AUDIT

7.1. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 25 daripada 31 agensi negeri telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2021 kepada Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, hanya 17 daripada 25 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuastra Negeri manakala lapan diterima selepas tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 12 daripada 25 penyata kewangan agensi yang diterima telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Tanpa Teguran (EOM).

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli lembaga pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan). Selain itu, pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan juga perlu disertakan bersama;
- 8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa; dan
- 8.3. menyegerakan penyerahan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak dua daripada 16 akaun PBT, tiga daripada 14 akaun BBN bagi tahun 2021 dan dua akaun MAI bagi akaun tahun 2020 dan 2021 belum diterima oleh Jabatan Audit Negara.

